

**Umno Kuala Kedah Sokong Cadangan Polis Tingkat Rondaan Keselamatan
Bernama
2 Oktober , 2011**

ALOR SETAR, 2 Okt (Bernama) -- Umno Kuala Kedah menyambut baik cadangan polis Kedah supaya banyak lagi skim rondaan keselamatan sukarela dengan membabitkan lebih ramai orang awam dilaksanakan bagi membanteras jenayah.

Ketuanya, Datuk Latt Shariman Abdullah berkata orang ramai wajar menyertai skim-skim keselamatan seperti Skim Rondaan Sukarela (SRS), Rela dan Rukun Tetangga yang secara tidak langsung dapat memupuk kerjasama dalam menjaga keselamatan kawasan mereka.

"Dalam hubungan ini, Umno Kuala kedah telah mengorak langkah pro-aktif memandangkan Kuala Kedah merupakan kawasan nelayan yang banyak melibatkan kes penagihan dadah.

"Walaupun sukar membanteras gejala itu terutama yang membabitkan golongan nelayan, usaha mempertingkatkan keselamatan di kawasan perumahan telah mewujudkan suasana lebih selamat," katanya kepada pemberita pada majlis bersama pengundi Dewan Undangan Negeri Kubang Rotan di sini malam tadi.

Semalam, Ketua Polis Kedah, Datuk Ahmad Ibrahim mencadangkan agar rondaan sukarela diperbanyakkan dengan membabitkan lebih ramai orang awam supaya usaha pencegahan jenayah lebih berkesan.

Latt Shariman yang juga Pegawai Tugas-tugas Khas Perdana Menteri berkata kesedaran penduduk dalam soal keselamatan adalah penting bagi mewujudkan persekitaran yang aman dan selamat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=617124>